

0800

U 8916 DEB

MAHATHIR - MEDIA

KUALA LUMPUR, 16 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN BAHAWA AKHBAR-AKHBAR ATAU MEDIA MASSA PERLU BERSIKAP BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PEMBANGUNAN NEGARA SEPERTI PIHAK-PIHAK LAIN DI NEGARA INI.

MEDIA MASSA BOLEH MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH BESAR, MALAHAN DI BARAT, IA DIANGGAP SEBAGAI KUASA KEEMPAT DALAM SESEBUAH NEGARA, KATANYA DALAM TEKURAMAH DENGAN AKHBAR MERDEKA, KELUARAN OGOS.

BAGAIMANAPUN, BELIAU PERKATA, JIKA AKHBAR ATAU MEDIA MASSA MEMPUNYAI KUASA, IA AKAN JUCA TERDEDAH KEPADA PENYALAHGUNAANNYA DAN KEADAAN INI BERLAKU DI NEGARA INI.

BELIAU MEMBERI CONTOH, DALAM USAHA MENJAYAKAN SESEBUAH AKHBAR, WALAUPUN LAPORAN YANG DIPAPARKAN ITU BENAR, TETAPI CARA IA DILAPORKAN UNTUK MENARIK MINAT PEMBACA BOLEH MEMBERI KESAN NEGATIF.

-- LAGI

1315MST 16 08 85

MAHATHIR - MEDIA 2 KUALA LUMPUR

+ KADANG KALA ADA PEMBERITA YANG INGIN MENARIK PERHATIAN DENGAN MEMBUAT LAPORAN SEBAGAI SATU CARA UNTUK MENUNJUKKAN KEBOLEHANNYA, DAN TIDAK BERTUMPU KEPADA KEBENARAN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA, KEADAAN ITU MEMANG BERLAKU TETAPI BUKAN MEMBABITKAN SEMUA AKHBAR ATAU PEMBERITA.

+ MISALNYA DALAM UCAPAN SESEORANG PENCERAMAH YANG MUNGKIN MENEKANKAN PERKARA YANG MENURUTNYA PENTING, TETAPI KITA MENDAPATI KERAP KALI PEMBERITA MEMBUAT LAPORAN MENGENAI SESUATU PERKARA LAIN YANG TERSELIT DALAM UCAPANNYA ITU, YANG TIDAK PENTING DAN DI LUAR DARIPADA KONTEKS UCAPAN ITU.

+ INI MENYEBABKAN LAPORAN MENGENAI UCAPANNYA ITU TIDAK SAMA DENGAN MAKSUD UCAPANNYA,+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, DALAM KEGHAIRAHAN MENJADIKAN LAPORAN ITU LEBIH SENSASI, KADANG-KADANG YANG TIDAK BENAR ATAU YANG SUKAR DITENTUKAN KEBENARANNYA TURUT DIPERKATAKAN. -- LAGI

1330MST 16 08 85

MAHATHIR - MEDIA 3 KUALA LUMPUR

+ KADANG-KALA IA MEMBABITKAN PERIBADI SESEORANG YANG TIDAK MAMPU MEMPERTAHANKAN DIRINYA KERANA TIDAK MEMPUNYAI RUANG KHAS DALAM MEDIA MASSA.

+ MUNGKIN SESUATU PERKARA ITU TIDAK DAPAT DIBAWA KE MAHKAMAH KERANA BUKANLAH MUDAH MENDAPATKAN KEPUTUSAN MAHKAMAH TANPA PERBELANJAAN BESAR YANG MUNGKIN JUGA MEMBAWA KEPADA PELBAGAI TUDUHAN LAIN YANG AKAN DIDEDAHKAN,+ UJARNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, PERKARA SEPERTI ITU MENAKUTKAN SESIAPA YANG MENJADI SASARAN DAN DALAM KEADAAN ITU, AKHBAR DAN PEMBERITA MERASA SEOLAH-OLAH BOLEH MELAKUKAN APA SAHAJA DAN TIDAK SESIAPA BOLEH MELAWANNYA.

+ PERASAAN SEPERTI INI MEMANG MEMBAWA KEPADA PENYALAHGUNAAN KUASA,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU MENAMBAH KATA, +PADA MASA LAMPAU KITA ASYIK MENDEDAHKAN KEBURUKAN SEHINGGA SESIAPA JUGA YANG DATANG KE MALAYSIA AKAN BERPENDAPAT BAHAWA NEGARA INI PENUH DENGAN SEGALA KEBURUKAN, PENYAMUN DAN PEROGOL DAN LAIN-LAIN+. -- LAGI

1334MST 16 08 85

D811

R B924 DEB

MAHATHIR - MEDIA 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, IA MEMBERIKAN GAMBARAN SEOLAH-OLAH NEGARA INI ADALAH TEMPAT YANG BERBAHAYA, SEDANGKAN KEADAAN SEBENAR ADALAH SEBALIKNYA.

+ MEMANG BERLAKU APA YANG DILAPORKAN, TETAPI TIDAKLAH MELUAS SEPERTI YANG DILAPORKAN DAN INI MENJADIKAN IMEJ NEGARA BURUK SEKALI,+ TEGASNYA LAGI.

+ TERDAPAT JUGA MINAT UNTUK MENIRU CARA-CARA PEMBERITAAN DI BARAT SEDANGKAN MASYARAKAT KITA BUKANLAH SAMA SEPERTI MASYARAKAT BARAT. MISALNYA DI BARAT, UNTUK MENJAYAKAN AKHBAR, MEREKA MENGGUNAKAN +REPORTING EXPOSE+ IAITU MENDEDAHKAN SESUATU.

+ WALAUPUN CARA ITU BAIK, KADANG KALA PERKARA YANG TIDAK BENAR TUPUT DIPERKATAKAN,+ KATA BELIAU.

PEMBERITAAN YANG TIDAK TEPAT DAN KABUR BOLEH MENGELIRUKAN SERTA MEMBERI KESAN BURUK KEPADA PEMIKIRAN PARA PEMBACA, KATANYA. -- LAGI
1351MST 16 08 85

MAHATHIR - MEDIA 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENEGASKAN AKHBAR-AKHBAR DAN PARA WARTAWAN PERLULAH BEKERJASAMA DALAM USAHA MEMBANGUNKAN NEGARA.

OLEH ITU, KATANYA, PIHAK AKHBAR PERLU BERSIKAP BERTANGGUNGJAWAB DAN TIDAK MENGUTAMAKAN KEWARTAWANAN DEMI KEPENTINGAN KEWARTAWANAN YANG MEMISAHKAN SAMA SEKALI KEPENTINGAN-KEPENTINGAN NEGARA. --

BERNAMA

1352MST 16 08 85